

# Cinta dakwat Cina



**SELESA WALAU ASING:** Cik Nur Hikmah Mohamed Tahir senang dengan cabaran menghasilkan lukisan dakwat Cina tentang labu dan cendawan yang menggambarkan dirinya persis labu dalam kalangan teman-teman Cina (perlambangan cendawan) yang lebih mahir. – Foto JOHARI RAHMAT

► **HARYANI ISMAIL**  
haryani@sph.com.sg

PALITAN berus Cina dilayangkan Cik Nur Hikmah Mohamed Tahir bagi melukis gambar labu dalam kalangan sekelompok cendawan.

Lukisan itu cukup simbolik kerana labu menggambarkan dirinya sebagai satu-satunya anak Melayu yang mendalam teknik melukis dengan dakwat Cina di Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa).

Cendawan yang banyak bagaiakan tumbuh selepas hujan pula bak gambaran teman-teman Cina-nya yang sudah ada asas penguasaan bahasa Cina bagi meneroka lukisan dakwat Cina itu.

Cik Nur Hikmah, seorang gadis ramah berusia 21 tahun, rasa bertuah dipilih sebagai antara pelajar Diploma Seni Halus yang karyanya dipaparkan dalam pameran *Ink and Mind: Works by Nafa Alumni and Hui Chun Calligraphy*.

Pameran yang berlangsung di Galeri Lim Hak Tai sekitar Kampus 1, Nafa, sejak 26 Januari lalu hingga esok itu memberi sekilas gambaran karya seni kontemporari yang dijana dengan dakwat Cina.

Ketika ditemui *Gah!* baru-baru ini, Cik Nur Hikmah, anak bongsu dalam keluarga tiga beradik dan sudah dua tahun memahirkan dirinya dengan lorekan berus dakwat Cina, berkata:

“Ibu bapa pernah bertanya kepada saya mengapa nak mahirkan diri dalam sesuatu yang cukup asing seperti lukisan dakwat Cina ini?

“Saya pula memberitahu mereka bahawa tiada salahnya, bahkan lebih mencabar jika saya ceburi bidang seni yang cukup asing dalam kalangan pelukis Melayu. Saya ingin kongsi keindahan hanya dengan teman-teman lain.

“Saya tidak pernah mencuba teknik lukisan dakwat Cina sebelum ini. Selepas mencubanya, saya paling tertarik pada kesenian yang menitikberatkan kekuatan diri dan juga cara memegang berus lukisan.”

“Hikmah menceburi lukisan dakwat Cina ini ialah dalam setiap kepayahan itu, saya dapat cedok ilmu mengamati alam dan menebarkan ilham penuh perlambangan daripada pemenang Pingat Budaya Encik Wee Beng Chong dan pakar kaligrafi Cina Encik Tan Kee Sek.”

– Cik Nur Hikmah Mohamed Tahir.

Selain meriah ilmu daripada seniman dakwat Cina bertaullah seperti penerima Pingat Budaya Encik Wee Beng Chong dan pakar kaligrafi Cina Encik Tan Kee Sek yang mengajarnya di Nafa, Cik Nur Hikmah, lulusan Sijil Nitec Animasi Digital Institut Pendidikan Teknikal (ITE), belajar dari pada pertukaran idea bersama teman sekuliahan.

“Agak mencabar juga apabila guru yang mengajar hanya berbahasa Mandarin atau berbual sepatih dua perkataan dalam bahasa Inggeris.

“Bagaimanapun, isu bahasa bukanlah hambaran buat saya menimba ilmu. Saya hargai kehadiran mereka yang memang mahir dan berpengalaman luas dalam lukisan dakwat Cina.

“Ada juga teman saya yang selalu berikan kata-kata positif bahawa anak Melayu juga boleh berjaya dalam lukisan atau kaligrafi Cina.

“Saya belajar pun bukan muhu berbangga diri, malah menghargai bahawa ia seni bernilai dan

warisan zaman-berzaman masyarakat Cina yang boleh saya terapkan dalam lukisan kontemporari,” ujarnya.

Kelebihan lukisan Cina itu dilihatnya terletak pada ketumpatan cecair dakwatnya yang menentukan kesan tebal atau tipisnya sesuatu palitan yang dihasilkan pada kertas.

Beliau lebih dekat dengan keindahan alam kerana sesetengah lukisan dakwat Cina memaparkan gunung-ganang.

Cik Nur Hikmah – yang juga mengambil modul fotografi, cetakan, lukisan Barat dan arca – turut menghasilkan dua potret dirinya dengan dakwat Cina bagi pameran di Nafa itu.

“Ia pengenalan bahawa seorang gadis berhijab, satu-satunya anak Melayu, juga berminat menghasilkan lukisan dengan dakwat Cina,” katanya.

Salah satu lukisan potret itu menggambarkan refleksi dirinya mengenai kata-kata yang tersilap diucapkan sehingga boleh timbul selisih faham.

Yang satu lagi mencerminkan dirinya yang giat beriadah dengan papan lungsurnya sejak tahun lalu.

“Gambaran wanita bertudung ‘turban’ menaiki papan lungsur memang kelihatannya pelik buat mak cik-mak cik di luar sana. Saya rasanya ketika sedang beriadah. Mereka kaitkan papan lungsur dengan kegiatan lasak yang tidak seharusnya diceburi wanita berhijab.

“Tapi bagi saya, kegiatan ini tidak harus disalahanggapkan jika dikaitkan dalam kehidupan wanita berhijab seperti saya. Justeru, ia luan rasa sebagai menyelar stereotaip yang diketahui masyarakat sendiri,” ujarnya.

► Pameran *Ink and Mind: Works by Nafa Alumni and Hui Chun Calligraphy* berlangsung hingga esok di Galeri Lim Hak Tai, Kampus 1, Nafa. Ia dibuka dari 11 pagi hingga 7 malam.